

PERATURAN-PERATURAN DI HUTAN LIPUR.

- Di larang sama sekali kegiatan pugut (vandalisme), merosak, memusnah tumbuh-tumbuhan dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di dalam kawasan hutan lipur.
- Tidak dibenarkan mengambil sesuatu kecuali gambar dan jangan meninggalkan apa jua melainkan kesan tapak kaki anda.
- Hendaklah sentiasa menjaga kebersihan dan keindahan kawasan hutan lipur.
- Penggunaan api hendaklah diberi pengawasan supaya tidak berlaku kebakaran atau memusnahkan kawasan hutan lipur.
- Aktiviti-aktiviti mendaki, memancing, menduduki chalet / log-cabin dan berkhemah perlu mendapat kebenaran dari pihak pengurusan.

PERINGATAN

Pihak pengurusan tidak bertanggungjawab di atas sebarang kejadian yang berlaku di atas diri dan harta benda para pengunjung semasa berada di dalam kawasan hutan lipur.

DENDA

- Gunakan tong-tong sampah yang telah disediakan. Pembuangan sampah-sarap secara mengganggu (merata-rata) merupakan satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM 10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu) atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-dua denda dan penjara itu. [Seksyen 83 (2), Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993).
- Mengambil hasil-hasil hutan dari kawasan hutan tanpa kebenaran merupakan satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM 500,000.00 (Ringgit Malaysia Lima

- Ratus Ribu) dan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun [Seksyen 15 (2), Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993).
- Menebang, memotong, menggelang, menanda, menutuh / menorah mana-mana pokok atau merosakkan dengan api atau memindahkan mana-mana pokok atau kayu tanpa kebenaran merupakan satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM 50,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu) atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-dua denda dan penjara itu [Seksyen 81 (2)(b), Akta Perhutanan Negara 1994 (pindaan 1993).
- Menyalakan, menyimpan, membawa atau membiarkan api menyala dalam kawasan hutan tanpa kebenaran merupakan satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM 50,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu) atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun kedua-dua denda dan penjara itu. [Seksyen 82 (2), Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993)

PANDUAN PERKHEMAHAN DI HUTAN LIPUR

Pemilihan Kawasan / Tapak Perkhemahan

1. Tanah atau tapak yang rata

- a) Tapak khemah yang rata adalah bertujuan untuk memudahkan pemasangan khemah dan selesa sebagai tempat tidur atau berehat.
- b) Sebaik-baiknya walau pun tapak yang rata, cuba elakkan daripada kawasan yang terdapat akar-akar pokok atau batu yang menjadi tapak khemah tersebut.
- c) Tapak yang rata juga akan mengelakkan daripada berlakunya air bertakung jika hujan atau bukan sebagai tempat laluan air ketika hujan turun.

2. Berhampiran punca air

- a) Apabila melakukan aktiviti perkhemahan, perkara yang utama harus difikirkan ialah mengenai punca air bersih.
- b) Air yang bersih digunakan untuk memasak, membersihkan diri dan sebagainya.
- c) Tapak perkhemahan haruslah berhampiran dengan punca air tidak kira sungai, anak sungai, telaga, kolam atau sebagainya tetapi air tersebut hendaklah dipastikan kebersihannya supaya tidak berlaku kejadian tidak diingini seperti sakit perut atau penyakit lain yang boleh dijangkiti melalui air yang tidak bersih.
- d) Punca air ini juga seharusnya diketahui dari mana datangnya dan melalui kawasan yang tiada pencemaran.

3. Jauh daripada dahan mati

- a) Pemilihan tapak perkhemahan juga mesti berdasarkan kepada kawasan sekitar, khasnya perlu melihat pokok-pokok yang besar disekeliling kawasan perkhemahan tiada dahan mati atau ranting yang boleh membahayakan peserta perkhemahan.
- b) Ini penting kerana jika berlaku tiupan angin yang kuat atau hujan, ranting serta dahan mati tersebut boleh menimpa khemah dan orang yang terdapat ditapak perkhemahan tersebut.

4. Tapak yang lebih tinggi dari punca air.

- a) Pemilihan tempat atau tapak yang tinggi dan rata ini adalah penting untuk mengelakkan daripada dihanyutkan air jika berkhemah di tepi sungai dan air pasang jika berkhemah di pantai.

5. Mudah untuk mendapatkan bantuan

- a) Tapak perkhemahan yang dipilih juga haruslah berdasarkan kepada keadaan tempat yang mudah untuk mendapatkan bantuan jika berlaku sebarang kecemasan.
- b) Tapak perkhemahan tersebut mungkin berhampiran kawasan kampung, laluan orang atau mudah dihubungi.
- c) Setiap aktiviti perkhemahan juga haruslah dimaklumkan kepada pihak berwajib seperti Polis dan Jabatan Perhutanan.

6. Mudah untuk mendapatkan bahan bakar.

- a) Apabila melakukan aktiviti perkhemahan, bahan bakar yang digunakan untuk memasak perlu diambil kira.
- b) Jika memasak menggunakan dapur kayu iaitu ranting-ranting mati, tapak perkhemahan yang dipilih mestilah di kawasan yang mudah dan banyak untuk mendapatkan bahan tersebut.

7. Keselamatan kawasan perkhemahan.

- a) Keselamatan kawasan perkhemahan adalah penting.
- b) Pastikan bahawa kawasan tersebut adalah bukan kawasan binatang buas dan mudah diganggu oleh penceroboh luar.

Keselamatan Khemah

- Ubat nyamuk tidak dibenarkan dipasang di dalam atau terlalu hampir dengan khemah.
- Khemah bukan sebagai tempat menjemur atau menyidai pakaian.
- Tidak dibenarkan memasak di dalam khemah.
- Digalakkan makan di luar khemah untuk mengelakkan semut atau binatang lain dari memasuki khemah.
- Pastikan khemah ditutup jika tiada orang di dalamnya.
- Pastikan di luar dan dalam khemah sentiasa berkeadaan bersih dan kemas.
- Merokok adalah di larang sama sekali di dalam khemah.
- Pastikan khemah yang dipasang adalah kukuh dan selamat untuk digunakan.

Penjagaan Khemah

Pasang khemah mengikut prinsip dan teknik yang betul :

- Bersihkan dan keringkan khemah sebelum ia disimpan.
- Tidak mencuci khemah dengan menggunakan sabun atau bahan pencuci yang mengandungi bahan kimia.
- Khemah hendaklah disimpan ditempat yang sesuai dan selamat daripada ancaman haiwan perosak dan ditempat yang kering.
- Pastikan semua alatan yang digunakan untuk mendirikan khemah diperiksa dan lengkap sebelum disimpan.

Peraturan Keselamatan Perkhemahan

Setiap peserta perkhemahan mestilah patuh kepada semua arahan keselamatan, kawalan dan penerangan perkhemahan pada setiap masa.

- Menjaga kebersihan kawasan perkhemahan.
- Mengutamakan faktor kesihatan dan aspek makanan, minuman, pakaian dan tapak perkhemahan.
- Berhati-hati melakukan sebarang aktiviti dan sentiasa menghormati serta menghargai kawasan sekitar.
- Mengamalkan semangat kerjasama, tolong ansur dan kekitaan dalam menghadapi sebarang gangguan keselamatan
- Merokok, berjudi, minuman keras adalah dilarang.
- Mengutamakan aspek keselamatan semasa melakukan semua aktiviti.
- Memaklumkan kepada ketua pasukan / kumpulan, fasilitator atau kepada pengerusi jawatankuasa perkhemahan jika menghadapi kesulitan seperti masalah kesihatan dan keselamatan.
- Tiupkan wisel atau membunyikan sesuatu dengan kuat tanpa berhenti sehingga rakan datang membantu jika berlaku sebarang kecemasan.
- Peserta tidak dibenarkan berenang selain pada waktu yang telah ditetapkan jika berkhemah berhampiran sungai, pantai atau tasik.
- Dilarang memiliki apa-apa senjata yang merbahaya seperti senjata api, dadah dan alat alat yang menyalahi undang-undang.
- Tidak dibenarkan merosakkan atau memusnahkan tanaman dan tumbuhan yang terdapat di sekitar kawasan perkhemahan.

PANDUAN KESELAMATAN AIR TERJUN / SUNGAI / TASIK / KOLAM

1. Pengguna dinasihat membaca dan patuh kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat penggunaan di papan tanda sebelum memasuki kawasan hutan lipur ini.
2. Seseorang yang tidak sihat atau berpenyakit adalah dilarang dari memasuki kolam renang.
3. Tiap-tiap perenang mesti patuh kepada penyelamat nyawa (life guard) atau mana-mana pegawai yang bertugas.
4. Semua perenang mesti memakai pakaian renang yang dibenarkan dan sesuai.
5. Perbuatan seperti bergurau secara kasar atau terjun sesuka hati adalah dilarang semasa berada di kawasan air terjun, sungai, tasik atau kolam.
6. Untuk tujuan keselamatan, perenang adalah dinasihat keluar dari kawasan air terjun, sungai, tasik atau kolam semasa hujan dan ribut petir.
7. Adalah dinasihatkan perenang tidak memakai jam tangan atau sebarang bentuk perhiasan semasa berenang.
8. Makan dan minum tidak dibenar di sekitar kawasan air terjun, sungai, tasik atau kolam.
9. Pengguna dilarang meludah di dalam kawasan air terjun, sungai, tasik atau kolam dan lain-lain perkara yang boleh mencemarkan kebersihan kawasan.
10. Pada bila-bila masa, pegawai yang bertugas adalah berhak menegah perenang dari berenang dan meminta mereka keluar daripada kawasan air terjun, sungai, tasik atau kolam
11. Tiap-tiap perenang adalah berenang di atas risiko mereka sendiri.
12. Pihak pengurusan tidak bertanggungjawab di atas apa-apa kemalangan yang berlaku pada perenang.
13. Untuk tujuan melaksanakan peraturan di atas, kawasan air terjun, sungai, tasik atau kolam dalam kawasan Hutan Lipur ditakrifkan sebagai lingkaran kawasan seluas 4 meter disekelilingnya.